Sektor Perbankan

59 Prestasi Sektor Perbankan
61 Perkembangan Sektor Perbankan
65 Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan
69 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
70 *Rencana: Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu*


Sektor Perbankan

PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

Aktiviti pembiayaan terus menyokong ekonomi pada tahun 2016. Jumlah pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan meningkat 5.3% pada tahun 2016 kepada RM1,521.5 bilion (2015: RM1,445.1 bilion) (Rajah 2.1).

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan didorong oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah, yang mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3%. Kadar pertumbuhan yang sederhana ini (2015: 7.7%) selaras dengan langkah-langkah Bank untuk menggalakkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan telah mengurangkan risiko paras keberhutangan isi rumah yang lebih tinggi. Pembiayaan kepada sektor perniagaan secara keseluruhannya meningkat 4.9%, didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang meningkat 9.2%. Institusi perbankan terus optimistik dalam memberi pinjaman kepada PKS, meskipun prospek ekonomi global masih dalam keadaan tidak menentu. Kadar kelulusan pembiayaan PKS oleh institusi perbankan kekal kukuh pada 77.3% pada tahun 2016. Institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) terus mengeratkan kerjasama dengan Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC) dan agensi-agensi Kerajaan untuk membangunkan produk kewangan dan memberikan bantuan teknikal kepada PKS. Kerjasama tersebut memberikan sokongan penting kepada PKS untuk memainkan peranan utama sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. PKS juga dijangka mendapat manfaat daripada peruntukan dana tambahan yang diumumkan dalam Bajet 2017.

Selaras dengan pertumbuhan aktiviti pembiayaan yang lebih perlahan, aset sistem perbankan berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.8% pada tahun 2016 kepada RM2,443.6 bilion (2015: 6.1%). Keupayaan sektor perbankan untuk menyerap kerugian tetap kukuh, disokong oleh paras permodalan yang kekal tinggi. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal jauh melebihi paras

Peruntukan Bajet tahun 2017 untuk PKS


- RM500 juta untuk Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi membantu pertumbuhan syarikat Bumiputera.
- RM200 juta untuk Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi melaksanakan Program Keusahawanan dan Pembiayaan Premis Perniagaan.
- RM130 juta untuk Dana Promosi Eksport Nasional bagi menyokong program promosi eksport oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negeri Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp).
- RM100 juta untuk Dana Eksport di bawah TERAJU bagi menyokong syarikat Bumiputera berusaha niaga di luar negara, sebagai sebahagian daripada peningkatan usaha Kerajaan untuk merangsang sumbangan PKS kepada 25% daripada jumlah eksport menjelang tahun 2020.

pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 13.1%, 14.0% dan 16.5% (2015: masing-masing 13.3%, 14.2% dan 16.6%). Modal institusi perbankan yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum juga meningkat 0.2% kepada RM124.5 bilion pada akhir tahun 2016 (Rajah 2.2). Sebahagian besar (dianggarkan 85.1%) daripada modal ini terus diwakili oleh modal berkualiti tinggi dalam bentuk ekuiti, perolehan tertahan dan rizab yang mampu menyerap kerugian.

Permodalan institusi perbankan bertambah kukuh walaupun nisbah aset berwajaran risiko (risk-weighted assets, RWA) kepada jumlah aset yang pada amnya stabil menurun sedikit kepada 63.1% (2015: 64.4%) disebabkan oleh pertumbuhan pembiayaan yang lebih perlahan. Penurunan nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset ini juga didorong oleh peningkatan pemegangan aset mudah tunai berkualiti tinggi oleh institusi perbankan untuk memenuhi keperluan mudah tunai. Berdasarkan laporan institusi perbankan semasa tempoh pemerhatian, nisbah leveraj sistem perbankan, yang mengukur modal asas kumpulan 1 berbanding dengan aset bukan berwajaran risiko, berada pada 7.7%. Modal ini melebihi dua kali paras minimum yang dicadangkan di bawah Basel III. Ini menunjukkan bahawa institusi perbankan berada pada kedudukan yang selesa untuk mematuhi keperluan nisbah leveraj ini, meskipun belum perlu untuk berbuat demikian. Dengan isu reka bentuk dan penentukuran bagi nisbah leveraj hampir dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Jawatankuasa Basel), Bank berhasrat untuk mengeluarkan satu kertas perbincangan kepada pihak industri pada separuh pertama tahun 2017 mengenai cadangan mengaplikasikan piawaian nisbah leveraj di Malaysia.

Rajah 2.2

Sistem Perbankan: Nisbah Kecukupan Modal dan Lebihan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia


Sektor perbankan Malaysia kekal teguh dengan permodalan yang kukuh

Sistem perbankan, termasuklah institusi perbankan Islam, mencatat peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM32.2 bilion (2015: RM29 bilion) pada tahun 2016. Pulangan atas aset dan ekuiti juga masing-masing meningkat sedikit kepada 1.34% dan 12.5% (2015: 1.32% dan 12.3%). Prestasi pendapatan yang lebih kukuh ini didorong oleh aktiviti perbendaharaan dalam keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu. Analisis yang lebih terperinci menunjukkan institusi perbankan mencatat keuntungan bersih daripada jualan instrumen yang "sedia untuk dijual" dan urus niaga pertukaran asing yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1.8 bilion. Prestasi pendapatan ini juga disokong oleh sumbangan dividen yang lebih tinggi daripada subsidiari, yang meningkat 27.8% dan menyumbang 10.3% kepada keuntungan sebelum cukai. Penyumbang utama pendapatan dividen ialah operasi perbankan Islam dalam keadaan pertumbuhan pembiayaan yang kukuh (rujuk 'Prestasi Sektor Perbankan Islam' dalam Bab bertajuk 'Pembangunan Kewangan Islam' untuk maklumat lanjut). Pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi hasil daripada aktiviti pembiayaan juga telah menyokong pendapatan, disumbangkan terutamanya oleh peningkatan pembiayaan bertempoh untuk pembelian harta tanah dan modal kerja.

Margin faedah/pembiayaan kasar telah mengecil, mencerminkan tawaran kadar faedah pembiayaan yang berdaya saing oleh institusi perbankan dalam keadaan pertumbuhan pembiayaan yang semakin sederhana serta kenaikan kecil dalam kos purata dana (2016: 2 mata asas). Namun begitu, margin faedah/pembiayaan bersih selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian meningkat sedikit (Rajah 2.3), hasil daripada peningkatan kecekapan oleh institusi perbankan. Sebahagian besar peningkatan ini didorong oleh penggunaan teknologi baharu untuk menyelaraskan operasi dan mengurangkan kos overhed. Langkah-langkah yang diambil oleh beberapa institusi perbankan untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja mereka selaras dengan

Rajah 2.3

Sistem Perbankan: Margin Faedah Kasar dan Bersih




Sumber: Bank Negara Malaysia

tumpuan semula hala tuju perniagaan juga telah membantu mengehadkan kenaikan tahunan kos kakitangan. Secara keseluruhan, keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja, iaitu penunjuk kecekapan hasil, meningkat sebanyak 14.9% pada tahun 2016.

Kualiti aset pinjaman sistem perbankan merosot sedikit, sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan prestasi pinjaman kepada sektor minyak dan gas (oil and gas, O&G), automotif dan harta tanah seperti yang dijangka (rujuk 'Mengurus Dedahan Risiko Kredit kepada Perniagaan' dalam Bab bertajuk 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016' untuk maklumat lanjut). Bahagian pinjaman jejas nilai telah meningkat kepada 1.24% daripada jumlah pinjaman

Rajah 2.4

Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

ditolak peruntukan jejas nilai individu (individual impairment provision, IIP) (2015: 1.20%) (Rajah 2.4). Namun begitu, kemerosotan kualiti aset secara lebih menyeluruh tidak dialami, disebabkan oleh amalan pengurusan risiko yang lebih baik sejak beberapa tahun lalu, terutamanya dalam sektor isi rumah berikutan pelaksanaan piawaian yang lebih kukuh bagi pembiayaan yang bertanggungjawab. Institusi perbankan terus mengekalkan peruntukan berhemat untuk pembiayaan dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi, pada kadar 90.2% (2015: 96.3%). Kedudukan ini diperkukuh oleh peruntukan jejas nilai kolektif (collective impairment provision, CIP) dan rizab pengawalseliaan yang dipegang oleh setiap institusi perbankan yang melebihi paras keperluan minimum 1.2% daripada pinjaman bersih.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN


Pada tahun 2016, landskap perbankan Malaysia terus dipengaruhi oleh kemajuan teknologi dan pengantarabangsaan sistem kewangan yang semakin meluas. Penggunaan teknologi untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan telah meningkat dengan ketara, dengan semakin banyak transaksi perbankan dijalankan menerusi terminal layan diri (self-service terminals) dan saluran digital seperti perbankan mudah alih, perbankan dalam talian dan aplikasi mudah alih (Gambar Rajah 2.1). Secara khusus, transaksi perbankan mudah alih telah mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 98.1%.

Institusi perbankan terus memanfaatkan potensi besar teknologi kewangan

Pada masa yang sama, inovasi terus berkembang pesat dengan percambahan syarikat permulaan teknologi kewangan (financial technology, FinTech). Syarikat seumpama ini lebih kecil dan pantas mengikuti perkembangan digital, tetapi seringkali menghadapi cabaran untuk menembusi pasaran kerana kurang dikenali dan belum mendapat kepercayaan pengguna kewangan. Untuk memanfaatkan potensi sinergi yang disediakan oleh syarikat FinTech yang lebih berfokuskan teknologi, institusi perbankan mengambil pendekatan untuk bekerjasama dalam usaha merangsang inovasi. Pendekatan ini termasuk mewujudkan *accelerator programme*, yang melaluinya institusi perbankan memberi syarikat FinTech akses kepada pengetahuan mengenai industri kewangan untuk menambah baik produk mereka supaya sedia diuji oleh pengguna kewangan. Seterusnya, pendekatan

Gambar Rajah 2.1

Penggunaan Terminal Layan Diri dan Saluran Digital pada Tahun 2016



Sumber: Bank Negara Malaysia

ini akan meningkatkan potensi inisiatif baharu dibentuk menjadi produk ataupun perkhidmatan yang berdaya maju secara komersial.

Bank memberi sokongan terhadap perkembangan ini, yang membolehkan teknologi canggih digunakan dalam pelbagai aspek perbankan (rujuk 'Inovasi FinTech' dalam Bab bertajuk 'Perkembangan Merentas Sektor' untuk maklumat lanjut mengenai perkembangan seluruh sektor kewangan). Antara inovasi yang ketara termasuk prosedur yang dipermudah dan lebih selamat untuk *on-boarding* dan pengesahan pelanggan baharu dengan menggunakan kaedah biometrik. Institusi perbankan juga banyak memanfaatkan penggunaan *artificial intelligence* untuk meningkatkan akses kepada produk kewangan dan menambah baik hubungan dengan pelanggan. Dari aspek sistem pembayaran, pembayaran tanpa sentuhan yang didorong oleh teknologi komunikasi *near field* terus mendapat sokongan. Perkembangan ini terus meningkatkan kecekapan dan mengurangkan risiko pematuhan untuk institusi perbankan dalam keadaan operasi yang terus mencabar. Untuk IKP khususnya, kemajuan teknologi juga telah memacu agenda rangkuman kewangan. Inisiatif penting termasuklah pendigitalan perkhidmatan menerusi mesin juruwang maya (virtual teller machine) dan ATM mudah alih, yang meluaskan jangkauan dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan perbankan untuk komuniti luar bandar.

Pada tahun 2016, lesen perbankan komersial telah diberikan kepada China Construction Bank (Malaysia) Berhad, yang akan mengukuhkan lagi kesalinghubungan ekonomi dan kewangan dengan salah satu rakan perdagangan utama Malaysia. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, institusi perbankan yang hendak beroperasi di Malaysia akan dinilai mengikut kriteria kehematan dan kemampuan entiti itu memenuhi kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia. Bank telah menambah baik lagi proses penilaian kemampuan pemohon untuk memenuhi kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia melalui interaksi dan perbincangan secara lebih mendalam dengan pemohon mengenai kemampuan dan komitmen mereka untuk meningkatkan sumbangan kepada negara. Interaksi dan perbincangan ini juga telah membolehkan Bank menyampaikan keutamaan pembangunan sektor perbankan, termasuk menyokong pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi bernilai tambah, memenuhi keperluan

segmen khusus (niche segments) dalam pasaran dalam negeri, dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia. Pada akhir tahun 2016, bilangan institusi perbankan berlesen di Malaysia berjumlah 57, merangkumi 29 institusi perbankan berlesen dalam negeri dan 28 institusi perbankan milik asing.

Pertumbuhan inklusif

Dengan kerjasama industri perbankan, Bank terus berusaha untuk menggalakkan akses yang inklusif kepada perkhidmatan perbankan yang berpatutan untuk semua segmen penduduk di Malaysia. Bagi enam IKP di bawah kawal selia Bank, jumlah pembiayaan terkumpul kepada sektor pertumbuhan yang disasarkan oleh institusi-institusi ini meningkat 5.7% pada tahun 2016 kepada RM143.3 bilion. Walaupun pertumbuhan ini didorong sebahagian besarnya oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah dan pertanian, trend positif dapat dilihat dalam pemberian pinjaman kepada semua sektor utama yang disasarkan (Gambar Rajah 2.2).

Pada akhir tahun 2016, jumlah pembiayaan terkumpul untuk perusahaan mikro di bawah Skim Pembiayaan Mikro ialah RM921.8 juta. Secara keseluruhan, pembiayaan berjumlah RM3.5 bilion telah diluluskan dan memberikan manfaat kepada lebih daripada 200,000 akaun perusahaan mikro di bawah Skim ini sejak pelancarannya pada tahun 2006.


Jangkauan perkhidmatan perbankan juga terus mencapai kemajuan pada tahun 2016. Jumlah pusat akses perkhidmatan kewangan di seluruh negara meningkat daripada 10,166 kepada 11,248, yang membolehkan 99% rakyat Malaysia mendapat akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan yang selamat, diyakini dan berpatutan. Pada akhir tahun 2016, 97% daripada mukim di Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses. Ini didorong oleh rangkaian perbankan ejen yang terus berkembang dengan bilangan ejen bank kini melebihi 7,900 (2015: 6,902). Lebih 12,000 akaun simpanan dibuka menerusi rangkaian perbankan ejen pada tahun 2016 dan bilangan transaksi yang dijalankan menerusi ejen bank meningkat 58.6% kepada 100.3 juta, dengan nilaian dianggarkan sebanyak RM8.5 bilion (akhir tahun 2015: 63.2 juta transaksi, bernilai RM5.7 bilion).

Akses kepada perkhidmatan kewangan oleh komuniti terus menjadi kepentingan utama

Pada bulan November 2016, Bank melancarkan laman sesawang mikro (microsite) Rangkuman Kewangan untuk meningkatkan lagi akses orang ramai dan PKS kepada maklumat tentang pelbagai inisiatif rangkuman kewangan. Laman sesawang mikro tersebut merupakan pusat untuk semua maklumat berkaitan rangkuman kewangan, termasuklah produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan di Malaysia.

Gambar Rajah 2.2

Pembiayaan IKP kepada Sektor Pertumbuhan Sasaran



Sumber: Bank Negara Malaysia

Platform ini melengkapi langkah yang terus dilaksanakan oleh Bank, dengan kerjasama industri dan agensi utama, untuk mewujudkan keadaan kewangan yang lebih akomodatif bagi perniagaan yang menyokong inovasi dan dalam bidang pertumbuhan baharu.

Inisiatif untuk Menyokong Pembiayaan bagi Inovasi dan Bidang Pertumbuhan Baharu

- **Menurunkan kos memulakan perniagaan menerusi pengawalseliaan yang menyokong**
  Dua inisiatif utama pengawalseliaan telah diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi dalam sektor kewangan, iaitu rangka kerja *Regulatory Sandbox* oleh Bank dan rangka kerja pengawalseliaan mengenai pembiayaaan antara rakan ke rakan (peer-to-peer, P2P) oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran pengawalseliaan yang setara untuk penyelesaian kewangan inovatif yang boleh meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kewangan sedia ada atau mewujudkan perkhidmatan baharu untuk keperluan yang belum dipenuhi. Selain itu, pasaran saham baharu yang dicadangkan oleh Bursa Malaysia pada bulan September 2016 akan membolehkan PKS disenaraikan pada kos yang lebih rendah dalam persekitaran pengawalseliaan yang lebih fleksibel. Cadangan ini dijangka akan meluaskan jangkauan pendanaan PKS, di samping berperanan sebagai platform untuk penyenaraian yang lebih formal di dalam pasaran ACE.

- **Menangani kekurangan maklumat dengan memanfaatkan sumber data baharu**
  Dengan peningkatan kecanggihan dalam analisis data, penggunaan maklumat bukan kewangan untuk menyokong penetapan keputusan kredit yang dibuat semakin menunjukkan kemajuan. Sebagai contoh, platform perdagangan secara elektronik telah mula menggunakan data transaksi dan pembayaran pengguna mereka untuk menentukan profil kredit, justeru membolehkan mereka menceburi bidang pemberian pinjaman kepada perniagaan kecil. Data yang diperoleh menerusi perkhidmatan secara elektronik bersepadu juga membolehkan pemberi pinjaman mengenal pasti perubahan dalam keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam, justeru mengurangkan delinkuensi dan kemungkiran. Menyedari potensi yang sedia ada dalam pendekatan ini, Bank menggalakkan institusi perbankan dan IKP untuk mengkaji penggunaan analisis *big data* (contohnya dengan menggunakan sejarah membeli belah, rekod bil utiliti, alamat rumah dan tempat kerja individu) serta penilaian psikometrik untuk menilai profil kredit bakal peminjam yang tidak mempunyai rekod prestasi pinjaman atau rekod pinjamannya tidak mencukupi. Bank akan terus memantau perkembangan ini untuk memastikan persekitaran pengawalseliaan kekal akomodatif bagi pendekatan baharu dalam cara penilaian kredit.

- **Mewujudkan proses pembiayaan PKS yang lancar**
  Bank sedang bekerjasama dengan industri perbankan untuk membangunkan suatu platform dalam talian yang bersepadu untuk memudahkan PKS mendapat sumber pembiayaan. Platform ini bertujuan mengurangkan masa yang diambil oleh PKS untuk mengenal pasti produk pembiayaan yang sesuai dan memenuhi keperluan dokumentasi yang mungkin berbeza-beza dalam kalangan institusi perbankan. Lantaran itu, platform ini akan menyelaraskan permohonan pembiayaan PKS, di samping menyarankan pelbagai pakej pembiayaan yang sesuai berdasarkan keperluan pembiayaan dan profil risiko pemohon. PKS tidak lagi perlu menghubungi setiap institusi perbankan secara berasingan, dan pada masa yang sama, kos institusi perbankan yang berkaitan dengan proses penilaian kredit dan ketidakseragaman dokumentasi boleh dikurangkan. Platform ini juga akan memberikan sokongan praktikal kepada pemohon yang tidak berjaya, dengan menghubungkan mereka kepada saluran khidmat nasihat dan pembinaan keupayaan yang disediakan oleh Kerajaan.

- **Meningkatkan kebolehan untuk mengakses perkhidmatan perbankan menerusi pembinaan keupayaan**
  Bank dengan kerjasama industri kewangan telah menganjurkan beberapa program pada tahun 2016 untuk meningkatkan keupayaan PKS memperoleh dana. Program tersebut bertujuan meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan usahawan. Dari sudut penawaran, langkah-langkah terus diambil untuk menangani prasyarat penerimaan aset tidak ketara (seperti harta intelek, yang lazimnya merupakan aset tunggal syarikat permulaan) oleh institusi perbankan sebagai cagaran. Penubuhan sekumpulan pakar penilaian baru-baru ini merupakan langkah penting untuk membina keupayaan sektor perbankan dan PKS bagi menilai hak harta intelek yang seterusnya akan mempercepat penerimaan dan penggunaan aset ini sebagai cagaran untuk pembiayaan. Selain itu, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd. telah menubuhkan Platform Pengkomersialan Teknologi (Tech Commercialisation Platform) untuk perniagaan mendapat khidmat pemadanan pelabur dan nasihat dari awal ke akhir (end-to-end), iaitu daripada segi penyelidikan produk kepada pembangunan prototaip, dan akhirnya, pengkomersialan.

Kerjasama untuk menggalakkan pertumbuhan inklusif juga sedang dijalankan oleh industri perbankan. Pada bulan September 2016, satu kumpulan kerja industri ditubuhkan untuk melaksanakan pendekatan yang lebih bersepadu bagi menyampaikan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (corporate social responsibility, CSR) oleh sektor kewangan, justeru meningkatkan impaknya. Pendekatan ini berusaha untuk memanfaatkan sumber sedia ada dan meningkatkan kecekapan pentadbiran dengan menggembleng usaha industri untuk memperkasakan komuniti. Untuk mencapai tujuan ini, peningkatan tahap literasi dalam kalangan penduduk miskin di bandar telah dikenal pasti sebagai keutamaan segera.

Memprofesionalkan industri perbankan

Usaha untuk meningkatkan amalan, pengetahuan dan kompetensi industri perbankan semakin meningkat pada tahun 2016. Institusi perbankan bersama dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), telah mengisytiharkan komitmen untuk mendaftarkan ahli lembaga pengarah dan kakitangan penting dalam program Jurubank Bertauliah (Chartered Banker programme). Usaha ini merupakan langkah penting untuk memprofesionalkan tenaga kerja industri perbankan. Kelayakan Jurubank Bertauliah memberikan wadah pembangunan berwibawa kepada ahli dalam profesion perbankan, dengan hasrat untuk mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran dan beretika tinggi. Matlamat ini dapat dicapai dengan memastikan individu yang mempunyai kelayakan tersebut mengamalkan standard profesional dan etika yang tinggi dalam penyediaan perkhidmatan perbankan, justeru mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai dalam sektor perbankan.

RANGKA KERJA PENGAWALSELIAAN DAN PENYELIAAN

Pelaksanaan piawaian Basel III

Pada tahun 2016, pelaksanaan piawaian Basel III terus menjadi tumpuan utama aktiviti pengawalan dan penyeliaan Bank. Institusi perbankan telah beralih dengan lancar kepada keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) minimum yang dinaikkan kepada 80% pada tahun 2017, sejajar dengan pengaturan peralihan global. Kebanyakan institusi perbankan telah melaporkan kedudukan LCR melebihi 100% pada akhir tahun 2016.

Penilaian tematik mengenai amalan LCR telah merumuskan bahawa piawaian tersebut sedang dilaksanakan dengan berkesan oleh institusi-institusi perbankan, serta dengan sokongan pengawasan lembaga pengarah dan kawalan dalaman yang memadai. Penambahbaikan juga diperhatikan dalam kualiti pelaporan dan ketepatan masa dalam penjanaan metrik mudah tunai utama berikutan peningkatan sistem operasi institusi perbankan. Kebanyakan institusi perbankan telah mencapai banyak kemajuan dalam usaha ini. Bagi memastikan ketekalan yang lebih baik dalam pentafsiran parameter utama LCR, seperti takrifan deposit yang stabil dan akaun operasi, Bank juga telah mengeluarkan panduan tambahan untuk menangani variasi yang didapati semasa penilaian tematik. Secara keseluruhan, institusi perbankan telah menunjukkan pematuhan LCR yang lebih bersepadu dengan proses tadbir urus dan pengurusan risiko. Sehubungan dengan itu, amalan pengurusan mudah tunai dijangka terus diperkukuh merentas semua institusi perbankan.

Peningkatan penyepaduan di antara piawaian mudah tunai dengan pengaturan pengurusan risiko institusi perbankan adalah dijangka

Pematuhan terhadap keperluan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) yang sedang dirancang dijangka menjadi lebih mencabar, memandangkan tumpuannya pada pembiayaan jangka panjang untuk mengurangkan ketidakpadanan kematangan. Bagi sesetengah institusi, memenuhi keperluan tersebut akan melibatkan pengimbangan semula kedudukan kewangan yang ketara dengan mengutamakan sumber pendanaan yang lebih stabil dan berjangka panjang, atau aset yang kurang memerlukan pendanaan yang stabil. Yang penting, proses ini tidak memberikan apa-apa kesan yang tidak diingini terhadap pengantaraan kewangan oleh sektor perbankan. Interaksi dan perbincangan dengan industri telah dipergiat pada tahun 2016 untuk memahami dengan lebih baik cabaran khusus setiap institusi perbankan, yang akan menyumbang kepada penyesuaian piawaian NSFR dan pengaturan peralihan yang berkaitan. Melalui interaksi dan perbincangan yang telah dilaksanakan, institusi perbankan kelihatan berada dalam kedudukan yang baik untuk melanjutkan profil kematangan dan

mempelbagaikan sumber pendanaan bagi mematuhi NSFR. Strategi yang sedang dipertimbangkan oleh institusi perbankan termasuklah terbitan sekuriti jangka sederhana dan jangka panjang, serta instrumen pasaran wang jangka panjang untuk pelanggan runcit dan PKS, seperti instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposit, NID) runcit.

Berdasarkan data pemerhatian, NSFR sistem perbankan berada pada 103.2% pada akhir tahun 2016, dengan lebih separuh daripada institusi perbankan melaporkan kedudukan melebihi 100%. Bank akan terus memantau dengan teliti kedudukan ini dan akan berbincang dengan industri tentang cadangan piawaian NSFR selepas pertengahan tahun 2017.

Agenda pembaharuan pengawalseliaan Bank akan terus bersandarkan keutamaan domestik

Pada masa hadapan, Bank juga akan menjalankan kajian semula yang menyeluruh tentang amalan pengurusan risiko mudah tunai dalam sektor perbankan Malaysia yang bertujuan untuk mengukuhkan piawaian seluruh industri. Kajian semula ini akan mengambil kira perubahan asas dalam profil pendanaan institusi perbankan dan juga perkembangan dalam pasaran pendanaan utama (rujuk rencana 'Perubahan Dinamik Pengurusan Pendanaan dan Mudah Tunai Bank' dalam Bab bertajuk 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2016' untuk maklumat lanjut). Bidang yang akan diliputi di bawah kajian semula ini merangkumi tadbir urus, pengenalpastian, pengukuran, pemantauan dan kawalan risiko mudah tunai.


Jawatankuasa Basel dijangka memuktamadkan komponen pembaharuan pascakrisis selebihnya pada separuh pertama 2017. Ini akan mengukuhkan lagi rangka kerja modal berasas risiko dengan menjadikan keperluan piawaian global lebih ringkas, lebih sensitif kepada risiko dan memudahkan lagi perbandingan merentas negara. Berhubung dengan pembaharuan ini, keutamaan bagi Bank dalam jangka sederhana adalah untuk menambah baik rangkuman risiko bagi aktiviti institusi perbankan dalam rangka kerja modal pengawalseliaan (rujuk 'Fasa Kedua' di bawah Gambar Rajah 2.3), yang selaras dengan penilaian risiko dalam konteks sistem kewangan domestik. Sehubungan dengan itu, Bank akan memulakan kajian semula keperluan sedia ada untuk risiko kredit, pasaran dan operasi pada tahun 2017, yang bertujuan untuk memperkukuh daya tahan institusi perbankan terhadap risiko-risiko ini. Pengukuhan keperluan modal berbanding dengan risiko kredit rakan niaga bagi dedahan derivatif juga termasuk dalam kajian semula ini, sejajar dengan peningkatan aktiviti institusi perbankan dalam pasaran derivatif yang lebih maju. Secara keseluruhan, turutan pembaharuan akan mempertimbangkan kesan ke atas ekonomi Malaysia, dengan mengambil kira garis masa yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa dan kemajuan pelaksanaan pada peringkat global.

Perancangan pemulihan dan penyelesaian

Piawaian Basel juga dilengkapkan dengan usaha antarabangsa yang lebih meluas untuk mengukuhkan daya tahan sistem kewangan global dan menangani

Gambar Rajah 2.3

Pelaksanaan Pembaharuan Utama Piawaian Basel



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penambahbaikan utama kepada piawaian pengurusan risiko kredit

- Menguatkan keperluan pengukuran risiko kredit untuk menggalakkan pendekatan anggaran kerugian yang lebih canggih.
- Menetapkan keperluan tadbir urus yang lebih tinggi, dengan menitikberatkan jangkauan penglibatan lembaga pengarah dan fungsi kawalan risiko dalam proses kelulusan kredit.
- Memperluas keperluan pengurusan kredit di luar kebiasaan dan pengurusan risiko penumpuan kredit, risiko negara dan risiko pemindahan.
- Memperkenalkan keperluan pengawasan risiko kredit yang merangkumi seluruh kumpulan bagi risiko yang berpunca daripada aktiviti merentas entiti dalam kumpulan dan negara.
- Menggalakkan pengurusan mantap bagi risiko kredit yang sedia ada dalam aktiviti tertentu penanggung insurans dan pengendali takaful, seperti pembelian sekuriti hutang dan pemindahan risiko kepada penanggung insurans semula atau pengendali takaful semula.

kelemahan utama dalam rangka kerja pengawalseliaan sebelum krisis. Usaha ini termasuk pembaharuan yang dicadangkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board) untuk menambah baik perancangan pemulihan dan penyelesaian institusi kewangan, khususnya bagi institusi yang penting dari segi sistemik. Dalam hal ini, Bank dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia terus berusaha membangunkan rangka kerja perancangan pemulihan dan penyelesaian domestik bagi Malaysia. Fasa pertama usaha ini memberikan tumpuan pada sektor perbankan, dan akan diikuti oleh pelanjutan rangka kerja untuk penanggung insurans dan pengendali takaful pada peringkat kemudiannya. Bank merancang untuk melaksanakan usaha rintis dengan institusi perbankan yang dikenal pasti untuk menguji rangka kerja perancangan pemulihan pada separuh kedua tahun 2017 bagi menentukan panduan dasar akhir yang akan dikeluarkan kepada industri.

Pengurusan risiko kredit

Pada bulan Januari 2017, Bank mengeluarkan piawaian pengurusan risiko kredit yang dikemas kini untuk perbincangan dengan orang ramai. Pengemaskinian piawaian ini bertujuan meningkatkan amalan pengurusan risiko kredit seluruh industri, dengan mengambil kira perkembangan saiz dan kepelbagaian penawaran produk, pengantarabangsaan sistem kewangan yang lebih ketara dan peranan pasaran modal domestik sebagai sumber pembiayaan alternatif yang semakin berkembang. Piawaian ini juga merangkumi keperluan yang akan menyokong keberkesanan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (Malaysian Financial Reporting Standards 9) oleh institusi kewangan, dan menggalakkan penjajaran dengan objektif kehematan.

Ujian tekanan

Keperluan pengawalseliaan bagi ujian tekanan telah diperhalusi pada tahun 2016 untuk memastikan penilaian risiko yang lebih mantap dan berpandangan jauh oleh institusi perbankan. Ujian tekanan ialah alat kritikal yang digunakan untuk mengenal pasti kelemahan utama dan risiko yang ketara dalam institusi perbankan. Ujian ini memberikan input utama dalam penentuan kesanggupan mengambil risiko dan had risiko oleh institusi perbankan serta perancangan modal, mudah tunai, pemulihan dan penyelesaian. Pengemaskinian yang dicadangkan telah diterbitkan pada bulan Oktober 2016.

Keperluan baharu untuk institusi perbankan melaksanakan ujian tekanan berbalik (reverse stress testing) telah diperkenalkan dengan tujuan mengenal pasti kejadian atau senario yang boleh mengakibatkan institusi perbankan menjadi tidak berdaya maju. Pengenalpastian kejadian atau senario sedemikian boleh membantu institusi perbankan mendalami risiko yang ditanggung, sama ada risiko itu sepadan dengan kesanggupan mengambil risiko dan tindakan yang diperlukan untuk mengelakkan risiko yang tidak boleh diterima. Usaha sedemikian dijangka dapat berfungsi sebagai input kepada strategi pengurusan risiko dan rancangan pemulihan institusi perbankan agar bersedia untuk bertindak dengan pantas sekiranya berlaku apa-apa kejadian pencetus. Keputusan ujian tekanan berbalik (di samping keputusan ujian tekanan berdasarkan senario yang ditetapkan oleh Bank dan senario yang dibangunkan secara dalaman) dikehendaki dilaporkan secara berkala kepada Bank. Laporan ini akan melengkapkan penilaian kestabilan dan penyeliaan kewangan Bank.

Penambahbaikan utama piawaian ujian tekanan

- Menggalakkan penilaian yang berpandangan jauh dengan mewajibkan ujian tekanan berbilang tahun dengan tempoh minimum yang ditetapkan selama tiga tahun.
- Memperkenalkan keperluan mengambil kira limpahan risiko daripada syarikat gabungan kepada institusi perbankan.
- Menambah baik kualiti ujian tekanan dengan menghendaki institusi perbankan untuk mempertimbangkan kesalinghubungan antara pelbagai jenis risiko yang berbeza semasa senario tertekan.
- Menguatkan strategi pengurangan risiko dan rancangan pemulihan institusi perbankan dengan menghendaki ujian tekanan berbalik untuk mengenal pasti risiko yang jarang-jarang berlaku (tail risk).

Mengurus risiko amalan

Sejak beberapa tahun yang lepas, Bank telah mempergiatkan usaha untuk menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional di persekitaran tekanan persaingan dan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan. Penambahbaikan dalam amalan tingkah laku perniagaan institusi perbankan terus dipantau dan diperkukuh. Institusi perbankan telah melaksanakan amalan pembiayaan bertanggungjawab dengan lebih mantap. Ini dicerminkan oleh penilaian kemampuan boleh bayar yang lebih konsisten dalam penawaran produk kewangan. Amalan pasaran juga telah diberikan perhatian oleh ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan, dan lebih bersepadu dengan rancangan strategik perniagaan institusi perbankan. Di samping itu, kes pengiklanan yang kurang tepat atau mengelirukan yang dikenal pasti oleh Bank pada tahun 2016 juga telah berkurangan dan menunjukkan penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pemasaran yang adil oleh institusi perbankan.

Lebih penekanan pada amalan pasaran diperhatikan dalam seluruh sektor perbankan

Bank sentiasa peka memantau dan menilai risiko amalan dalam sektor perbankan. Dalam era perbankan digital yang semakin berkembang, Bank telah meningkatkan perhatian pada pengurusan risiko amalan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas oleh institusi perbankan, yang boleh meningkatkan dedahan kepada penipuan kewangan (lihat juga 'Inovasi FinTech' dalam Bab berjudul 'Perkembangan Merentas Sektor'). Institusi perbankan sedang berusaha untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang langkah berjaga-jaga yang perlu diambil apabila mengakses perkhidmatan kewangan melalui platform digital. Peningkatan kebergantungan pada teknologi dan saluran digital untuk perkhidmatan kewangan juga berpotensi meningkatkan risiko akses tanpa kebenaran kepada maklumat sulit pelanggan. Pada tahun 2016, institusi perbankan dikehendaki menjalankan kajian semula secara bebas berhubung dengan keberkesanan kawalan yang sedia ada untuk melindungi kerahsiaan maklumat pelanggan. Skop kajian semula ini meliputi pemeriksaan pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan pelupusan maklumat pelanggan. Kajian semula ini mendapati bahawa kawalan beberapa institusi perbankan perlu dikukuhkan lagi dan hal ini sedang ditangani oleh institusi perbankan berkenaan. Secara khususnya, pengukuhan ini bertujuan menambah baik kawalan berasaskan sistem untuk menghalang akses tanpa kebenaran kepada maklumat sulit pelanggan dan sistem pemantauan untuk mengesan penzahiran yang tidak dibenarkan. Secara umum, institusi perbankan telah diingatkan untuk memastikan program latihan dalaman yang menekankan tanggungjawab kakitangan untuk mematuhi sepenuhnya prosedur pengendalian maklumat sulit pelanggan dikekalkan dan dikemaskinikan secara berkala.

Tindakan penyeliaan telah diambil oleh Bank terhadap 24 buah institusi perbankan (termasuk IKP) pada tahun 2016 untuk pelbagai ketidakpatuhan terhadap keperluan tingkah laku yang dikeluarkan oleh Bank, seperti yang berikut:

- Empat buah institusi perbankan telah diarahkan supaya memperkukuh langkah-langkah kawalan bagi mengelakkan penzahiran maklumat pelanggan tanpa kebenaran;
- Sebuah institusi perbankan telah diarahkan supaya menghentikan pengenaan fi yang dilarang;
- Enam buah institusi perbankan telah diarahkan supaya mengubah suai dan meningkatkan tahap penzahiran bahan pemasaran untuk memastikan risiko produk dan maklumat yang berkaitan dizahirkan dengan jelas. Institusi perbankan

tersebut juga dikehendaki menyemak semula terma dalam kontrak yang dianggap tidak adil atau menjejaskan kepentingan pelanggan;
- 19 buah institusi perbankan telah diarahkan untuk memastikan bahawa perkhidmatan perbankan asas ditawarkan sebagai pilihan kepada semua pelanggan; dan
- Tujuh buah institusi perbankan telah diarahkan supaya menangani kelemahan berhubung dengan keperluan dasar pembiayaan yang bertanggungjawab dan telus.

Selain usaha pengawalseliaan, inisiatif yang diterajui industri terus memainkan peranan penting untuk membina kepercayaan, meningkatkan kecekapan operasi dan menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan. Usahasama antara institusi perbankan dengan persatuan industri kini sedang dijalankan untuk menggalakkan penyelarasan Piagam Perkhidmatan Pelanggan yang menetapkan prinsip dan piawaian asas perkhidmatan pelanggan. Usaha ini akan menjadi asas untuk kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan seluruh industri, yang dirancang bagi tahun 2017.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Operasi serantau kumpulan perbankan domestik semakin berkembang (kadar pertumbuhan tahunan terkompaun 3 tahun bagi jumlah aset luar negeri: 17%) dengan prospek pertumbuhan masa hadapan dijangka terus bertambah baik berikutan perjanjian dua hala yang dipermudah oleh Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF).

Pada tahun 2016, Bank memeterai perjanjian dua hala dengan Otoritas Jasa Keuangan, Bangko Sentral ng Pilipinas dan Bank of Thailand, yang merintis laluan bagi akses pasaran yang lebih meluas dan fleksibiliti operasi untuk bank ASEAN bertauliah (qualified ASEAN banks) dalam menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan antara rantau. Integrasi serantau dijangka dipertingkat pada dekad akan datang, dibantu oleh pengaturan kestabilan kewangan serantau yang dibentuk oleh gabenor-gabenor dan menteri-menteri kewangan ASEAN pada bulan April 2016 untuk menggalakkan lagi ketelusan pengawalseliaan, pembinaan keupayaan dan kerjasama dalam rantau ini.

Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu

Oleh: Zarina Abd Rahman dan Samuel Lee


Pembiayaan untuk perniagaan di Malaysia telah berkembang sejak sedekad yang lalu. Salah satu perkembangan yang paling ketara ialah pembiayaan pasaran modal yang semakin penting untuk aktiviti perniagaan, yang turut mengurangkan pergantungan pada pembiayaan bank. Sejak mutakhir ini, permintaan terhadap pembiayaan juga mencerminkan peralihan yang lebih meluas dalam aktiviti ekonomi ke arah aktiviti berasaskan pengetahuan dengan peningkatan penggunaan teknologi. Perkembangan ini telah mendorong pembiayaan menggunakan sumber baharu untuk memenuhi pendorong permintaan yang telah berubah serta pembaharuan dalam pendekatan dan program pemberian pinjaman oleh pemberi pinjaman tradisional. Walaupun sektor perbankan terus menjadi pembiaya utama, pembiayaan alternatif juga telah berkembang secara beransur-ansur (untuk rencana ini, pembiayaan alternatif merujuk kaedah pembiayaan selain pembiayaan hutang secara tradisional oleh bank, tetapi termasuk pemajakan dan pemfaktoran). Rencana ini menghuraikan potensi sumber pembiayaan alternatif sebagai pelengkap kepada pembiayaan hutang oleh bank untuk memenuhi keperluan pembiayaan hutang oleh perniagaan yang semakin pelbagai dan inovatif.

Pembiayaan Alternatif sebagai Pelengkap Sumber Dana

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam operasi sektor perniagaan di Malaysia, termasuk PKS, semakin meningkat kebelakangan ini. Syarikat permulaan juga semakin giat merebut peluang, dengan itu lebih cenderung untuk menerima pakai dan menggunakan inovasi bagi memanfaatkan trend baharu ini (Rajah 1). Perkembangan ini mendorong kemunculan ekonomi berasaskan perkongsian dan pasaran secara elektronik (e-pasaran). Premis teras ekonomi berasaskan perkongsian ialah keupayaan untuk menjana nilai ekonomi dengan memaksimumkan penggunaan aset sedia ada dan membolehkan akses yang mudah serta berkesan dari segi kos kepada sumber pengeluaran tanpa perlu mempunyai hak milik ke atas sumber tersebut. Sementara itu, e-pasaran memanfaatkan platform maya untuk memadankan penawaran dan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dengan lebih cekap, sekali gus mengurangkan kos pegangan. Pendorong bagi keadaan ini ialah peningkatan trend perniagaan berasaskan inventori yang sedikit, tetapi lebih ditumpukan pada harta intelektual.

Rajah 1

Ciri-ciri Perniagaan Syarikat Permulaan



Sumber: SME Corporation Malaysia


Perniagaan sedemikian menghadapi cabaran untuk mengakses pembiayaan berasaskan bank, sebahagian besarnya disebabkan oleh ciri-ciri pembiayaan bank yang sering kali tidak sesuai dengan pembiayaan usaha niaga yang inovatif dan dalam bidang pertumbuhan baharu:

- Proses penilaian kredit bank masih terlalu bergantung pada pengumpulan dan analisis sejumlah besar data sejarah dan kuantitatif. Penggunaan model berasaskan skor kredit yang meluas oleh bank juga menyerlahkan sifat berkitar pemberian pinjaman bank. Sehubungan dengan itu, perniagaan dalam bidang pertumbuhan baharu menghadapi kesukaran untuk memperoleh pembiayaan bank, terutamanya semasa ekonomi mengalami kelembapan.

- Penilaian kredit ada ketikanya dilengkapkan oleh data mengenai hubungan dengan pelanggan, yang bergantung pada maklumat yang dikumpul sejak hubungan perbankan terjalin. Maklumat ini termasuk pengetahuan tentang watak dan integriti peminjam, kewibawaan rujukan, atau kedudukan peminjam dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, penilaian berdasarkan hubungan semakin kurang diutamakan sejak bank beralih ke arah sistem yang lebih berpusat untuk menilai kredit dan membuat keputusan, selaras dengan pertambahan saiz dan kompleksiti.
- Ciri utama pemberian pinjaman kepada perniagaan yang kurang dikenali beserta rekod prestasi yang terhad masih lagi berupa cagaran, terutamanya dalam bentuk harta tanah komersial dan kediaman yang digunakan bank sebagai penampan daripada kerugian kredit. Cagaran seperti ini umumnya adalah sukar diperoleh dalam kalangan perniagaan baharu, seperti dinyatakan di atas. Kebergantungan pada cagaran juga sebahagiannya menggambarkan tahap inersia organisasi. Dalam hal ini, bank agak perlahan untuk membangunkan kepakaran dalam bidang pertumbuhan baharu atau menggunakan pendekatan dan teknologi baharu untuk mengurus risiko (Rajah 2).

Rajah 2

Cabaran Utama Membiayai Bidang Inovatif dan Pertumbuhan Baharu




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebab-sebab permohonan pinjaman ditolak yang sering dinyatakan oleh PKS mengesahkan pemerhatian ini (Rajah 3).

Rajah 3

Sebab-sebab Bank Menolak Permohonan Pinjaman seperti yang Dinyatakan oleh PKS



Sumber: Kaji Selidik SME Corporation Malaysia

Tingkah laku bank sebahagian besarnya adalah kerana kewajipan untuk melindungi kepentingan pendeposit. Hal ini menyebabkan bank tidak boleh mengambil risiko yang berlebihan. Walaupun perniagaan yang lebih berisiko telah melalui tapisan kelayakan kredit dengan sewajarnya, peminjam mempunyai insentif yang tinggi untuk menggunakan dana bagi projek lebih berisiko kerana keuntungan daripada perniagaan yang diambil akan menjadi milik mereka, manakala bank dan pendeposit lebih terdedah pada risiko kegagalan membayar balik faedah dan prinsipal jika perniagaan itu gagal.

Pembiayaan alternatif yang berkembang dapat mengurangkan jurang ini dengan membuka peluang pembiayaan baharu kepada perniagaan yang inovatif dan masih pada peringkat permulaan. Contoh yang jelas termasuklah:


- Pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet (crowdfunding) dan pemberian pinjaman rakan-ke-rakan yang menurunkan kos carian bagi pemberi pinjaman dan peminjam;
- Ekuiti persendirian dan modal usaha niaga yang membolehkan penyedia dana membuat jangkaan risiko dan pulangan yang lebih terselaras;
- Struktur pemberian pinjaman bersandarkan aset yang mengambil kira keupayaan menjana nilai aset rujukan; dan
- Pemfaktoran yang membolehkan peminjam yang kurang kepercayaan kredit untuk menambah baik aliran tunai dengan menggantikan risiko kredit mereka dengan pelanggan lain yang lebih teguh.

Model kewangan alternatif juga semakin memanfaatkan platform digital, terus meningkatkan kecekapan dan berpotensi untuk menangani jurang pembiayaan dalam ekonomi. Maklumat terkini menunjukkan penggunaan kaedah pembiayaan alternatif telah meningkat, meskipun agak kecil berbanding dengan pemberian pinjaman secara tradisional oleh bank. Baru-baru ini enam pengendali pasaran berdaftar telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk mengendali platform pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet berasaskan ekuiti. Platform tersebut telah memperoleh dana berjumlah RM6.2 juta untuk membiayai perniagaan permulaan dalam tempoh 10 bulan. Kesedaran orang ramai mengenai saluran pembiayaan alternatif juga telah menunjukkan trend yang meningkat (Rajah 4) dan dilaporkan perniagaan semakin banyak menggunakan kaedah pembiayaan alternatif (Rajah 5), yang disokong oleh pertumbuhan pengantaraan kewangan bukan bank.

Ruang untuk menyokong pembangunan kewangan alternatif di Malaysia masih terbuka luas. Pada tahun 2015, pembiayaan alternatif terkumpul merangkumi modal usaha niaga, pemajakan dan pemfaktoran serta pendanaan daripada orang ramai menerusi Internet berjumlah RM3.3 bilion, berbanding dengan RM25.1 bilion jumlah permohonan pembiayaan PKS yang ditolak oleh bank. Perbandingan ini menunjukkan anggaran jurang pembiayaan sebanyak RM21.8 bilion yang berpotensi dipenuhi oleh pembiayaan alternatif (Rajah 6).

Rajah 4


Carian Google untuk "Crowdfunding" di Malaysia (indeks)



Sumber: Google trends

Rajah 5

PKS yang Dilaporkan Menggunakan Pembiayaan Alternatif




Sumber: Kaji Selidik SME Corporation Malaysia

Jurang antara jumlah semasa pemfaktoran dan pemajakan di Malaysia (masing-masing 0.64% dan 0.69% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar [KDNK]) dengan purata jumlah pemfaktoran dan pemajakan global di negara-negara yang lebih maju (masing-masing 4.55% dan 1.55% daripada KDNK[1]) menunjukkan terdapat RM48 bilion lagi pembiayaan tambahan yang boleh dijana oleh PKS Malaysia melalui kemudahan pemfaktoran dan pemajakan.

Rajah 6

Jurang Pembiayaan PKS setakat 2015



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Global Leasing Report 2016, White Clarke Group, 2016; Annual Review, Factor Chain International, 2016.

Pengantaraan Kewangan Alternatif oleh Bank di Malaysia

Institusi perbankan turut berperanan menggalakkan pembangunan kewangan alternatif di Malaysia. Peranan ini jelas dalam sektor perbankan Islam apabila penggunaan pengantaraan pelaburan dan amalan perbankan berasaskan nilai yang disokong oleh kontrak Syariah menyumbang ke arah pertumbuhan kewangan alternatif. Yang ketara, penggunaan instrumen kewangan berasaskan ekuiti dan pertukaran yang inovatif seperti *musyarakah* dan *ijarah* telah menawarkan nilai yang berbeza, yang membolehkan risiko dikongsi antara pelabur dengan pemilik perniagaan. Kaedah ini menggunakan struktur akaun pelaburan yang diurus oleh institusi perbankan Islam.

Sektor perbankan Islam semakin mencapai kemajuan dalam penyediaan kewangan alternatif yang menggabungkan objektif komersial dan sosial melalui *waqf* dan pengaturan berasaskan sumbangan lain untuk memberikan lebih manfaat langsung kepada masyarakat. Penggunaan *waqf* tunai untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan untuk mereka yang memerlukan, merupakan contoh peranan pengantaraan yang lebih meluas yang sedia dilaksanakan oleh sektor perbankan Islam (rujuk Bab berjudul 'Pembangunan Kewangan Islam' untuk maklumat lanjut mengenai akaun pelaburan dan *waqf*).

Beberapa bank juga telah memperkenalkan platform perdagangan invois, iaitu platform elektronik sebagai pelengkap pemfaktoran tradisional, untuk menyokong perniagaan yang berdaya maju tetapi kekurangan tunai. Platform tersebut membolehkan PKS menukar invois belum terima kepada wang tunai dengan cepat dan cekap pada kadar yang lebih kompetitif kerana platform tersebut menyediakan proses bidaan invois belum terima secara telus dalam talian. Platform ini juga mengurangkan penipuan yang membabitkan penggunaan invois yang sama untuk berbilang pembiayaan. Perdagangan invois dijangka berkembang, dengan platform berasaskan elektronik memainkan peranan yang lebih penting untuk menghimpunkan pelabur canggih serta pembekal dana institusi. Potensi untuk meningkatkan jumlah pengguna baharu yang lebih meluas juga telah meningkatkan penyertaan bank sebagai pembekal dana institusi dalam platform perdagangan pengantaraan invois oleh bank.

Keutamaan Dasar untuk Memajukan lagi Kewangan Alternatif

Keutamaan untuk memajukan lagi kewangan alternatif sebagai sumber penting pembiayaan peringkat awal perlu merangkumi perkara berikut:

- Mengukuhkan pengaturan institusi untuk menyelaras, menjajar dan memacu dasar pembangunan untuk kewangan alternatif melalui pendekatan atas ke bawah. Hal ini memerlukan pertimbangan yang terperinci bagi pengawalseliaan dan rangka kerja perundangan yang sewajarnya, serta sokongan infrastruktur kewangan untuk menyediakan akses yang cekap kepada, dan penyampaian penyelesaian pembiayaan alternatif.
- Menambah baik kualiti, liputan dan integriti data berkaitan pembiayaan alternatif untuk memaklumkan keputusan dasar awam dan keputusan kredit persendirian. Piawaian perlu diwujudkan untuk penyedia kewangan alternatif melaporkan data yang tetap dan tepat pada masanya kepada pihak berkuasa pengawasan. Data ekonomi juga perlu dibahagikan mengikut segmen untuk menyerlahkan industri yang inovatif dan industri pertumbuhan baharu.
- Mewujudkan daftar cagaran bersepadu (unified collateral registry) untuk aset boleh alih. Daftar tersebut boleh meningkatkan asas cagaran untuk pembiayaan dengan ketara melalui peningkatan ketelusan dan pencegahan penipuan. Daftar ini akan memberikan manfaat kepada PKS khususnya melalui keupayaan untuk mengembangkan nilai aset boleh alih seperti jentera dan inventori, yang sering membentuk sebahagian besar modal saham PKS.
- Menggalakkan pembangunan perantara muka program aplikasi (application programme interface, API) terbuka yang membolehkan pemaju pihak ketiga memanfaatkan pangkalan data institusi kewangan untuk menyampaikan penyelesaian yang lebih cepat, lebih murah dan mengikut keadaan. API ini perlu disokong oleh standard yang seragam bagi membolehkan institusi kewangan berkongsi data serta keperluan berkaitan keselamatan maklumat, pertukaran data dan dasar lain yang berkaitan data.
- Mempergiat inisiatif untuk berinteraksi dan berbincang dengan orang ramai dan inisiatif pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS tentang saluran kewangan alternatif yang tersedia. Usaha juga perlu untuk menggalakkan penyedia dana (termasuk pelabur tidak formal) untuk turut serta secara lebih aktif dalam pasaran kewangan alternatif.